

15/11/2001

PBS kemuka permohonan hari ini

Kadir Dikoh; Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Shamsul Kamal Amarudin  
KUALA LUMPUR, Rabu - Parti Bersatu Sabah (PBS) akan menyerahkan surat permohonan menyertai semula Barisan Nasional (BN) kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pejabatnya di Putrajaya, pagi esok.

Pada masa sama, Perdana Menteri berharap parti yang mengumumkan keluar daripada BN beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990 itu, ikhlas untuk kembali ke pangkuan pakatan berkenaan supaya `pisang tidak berbuah dua kali'.

Setiausaha Agung PBS, Radin Malleh, berkata Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, serta beberapa pemimpin kanan parti itu dijangka hadir di Putrajaya bagi urusan berkenaan.

"Surat permohonan itu akan diserahkan sendiri oleh Pairin kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN," katanya ketika dihubungi di pejabatnya, di Kota Kinabalu, hari ini.

Radin berkata, keputusan untuk menghantar permohonan itu esok diputuskan pucuk pimpinan PBS, selepas mendapat mandat anggota Majlis Tertinggi (MT) parti berhubung perkara itu.

Katanya, adalah penting permohonan itu dihantar secepat mungkin bagi membolehkan ia dibincang dan diputuskan segera oleh pucuk pimpinan BN serta semua parti gabungan, terutama di Sabah.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata BN yang kini mempunyai 13 anggota, perlu menimbang latar belakang dan keikhlasan PBS dengan teliti terlebih dulu sebelum membuat keputusan.

"Ya, ini sesuatu yang baik untuk berlaku. Makin banyak, makin bagus. Sudah tentulah kita terpaksa mengkaji latar belakang dan keikhlasannya. Kita tidak mahu melihat `pisang berbuah dua kali'.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata demikian kepada pemberita di rumah terbuka Deepavali Presiden MIC yang juga Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu di Sekolah Menengah Chung Hwa, di Jalan Ipoh, di sini hari ini.

PBS pada mesyuarat MT luar biasanya malam tadi membuat keputusan untuk menyertai semula BN selepas 11 tahun sebagai pembangkang setelah persidangan tahunannya memberi sokongan terhadap usaha itu.

PBS pernah memerintah Sabah dalam tempoh 1985 hingga 1994 dan menyertai BN selepas pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah pada 1986, tetapi memutuskan keluar daripada pakatan itu beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990.

Pada pilihan raya DUN 12-13 Mac 1999, PBS menang 17 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan, tetapi lapan wakil rakyatnya kemudian mengambil keputusan menyertai parti komponen BN negeri, beberapa bulan kemudian.

Dr Mahathir ketika ditanya mengapa beliau kini menyambut baik langkah PBS itu sedangkan sebelum ini beliau pernah menyatakan tidak akan menerima balik parti terbabit ke pangkuan BN, bagaimanapun berkata:

"Ya, pada masa itu... macam itulah saya buat kenyataan. Kamu mungkin ingat saya berkata saya tak akan menerima Tengku Razaleigh (Hamzah), tetapi saya mudah memaafkan orang," katanya.

Perdana Menteri merujuk kepada kemasukan semula bekas presiden Parti Semangat 46 itu bersama pengikutnya ke dalam Umno.

Ditanya sama ada sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah akan dimansuhkan jika PBS diterima semula dalam BN, Dr Mahathir berkata terpulang kepada rakyat Sabah menentukannya.

"Kita bagi formula dan formula itu ada kebaikan. Kita tahu PBS tidak suka penggiliran, tak apalah. Biar mereka fikir sendiri yang mana baik

bagi mereka," katanya.

(END)